



**KUALA LUMPUR**  
(Indeks Komposit)  
(-5.99) mata  
1,406.10



**SINGAPURA**  
(Straits Times)  
(+5.80) mata  
3,254.43



**TOKYO**  
Nikkei  
(-28.07) mata  
32,391.26



**NEW YORK**  
Dow Jones  
(+113.89) mata  
34,509.03

# JSSEZ pacu potensi hartanah Johor

Oleh **NURFARAHIN HUSSIN**  
farahin.hussin@mediamulla.com.my

**PETALING JAYA:** Cadangan penubuhan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JSSEZ) di Iskandar Malaysia dijangka mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan aktiviti komersial, sekali gus mendorong peningkatan permintaan hartanah di kawasan tersebut.

Menurut penganalisis Maybank Investment Bank, Wong Wei Sum, penerima manfaat utama pembangunan berpotensi itu termasuk UEM Sunrise (UEMS), Sunway Properties, E&O Properties Sdn. Bhd., Eco World International (ECW) dan AME Elite Consortium Bhd.

"Sementara menunggu butiran lanjut mengenai cadangan itu, kami mengekalkan pendirian neutral terhadap sektor ini dengan saranan beli untuk saham ECW, Sime Darby Property dan SP Setia Berhad," katanya dalam nota kajian.

Jawatankuasa Bersama Menteri Malaysia-Singapura untuk



**BANGUNAN** pencakar langit di tengah pusat Bandaraya Johor Bahru yang pesat membangun. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

Iskandar Malaysia (JMCIM) telah bersetuju untuk mengkaji penubuhan JSSEZ bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan mengukuhkan kesalinghubungan serta kerjasama ekonomi

atas kepentingan bersama kedua-dua negara.

Pasukan petugas khas, yang akan ditubuhkan untuk mengkaji JSSEZ akan melaksanakan Terma Rujukan dan bidang

kerjasama secara meluas untuk JSSEZ.

JSSEZ akan dibina di atas asas yang ditetapkan oleh pelbagai kumpulan kerja untuk memacu pertumbuhan yang mampan,

membangunkan modal insan dan menambah baik infrastruktur dan ketersambungan.

Pasukan petugas khas itu akan diketuai oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dari Singapura dan Kementerian Ekonomi dari Malaysia dengan sokongan daripada agensi kerajaan yang berkaitan dari kedua-dua negara.

Wei Sum berkata, pihaknya positif dengan perkembangan terbaru ini, yang dijangka akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan melalui pelaburan dari Singapura.

"Ini bakal memacu permintaan untuk kedua-dua hartanah kediaman dan komersial kerana penduduk yang lebih tinggi pasti memerlukan perumahan.

"Selain itu, ia membantu mengurangkan stok pemaju yang tidak terjual terutamanya di segmen kediaman bertingkat. Penerima utama ialah UEMS sebanyak 70 peratus daripada nilai pembangunan kasar," katanya.

# TDM bina hospital pakar swasta pertama di Kemaman

**KEMAMAN:** Anak syarikat kerajaan negeri Terengganu, TDM Berhad membina sebuah hospital pakar swasta pertama di daerah ini, iaitu KMI Chukai Medical Centre.

Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar berkata, hospital di bawah kelolaan Kumpulan Medic Iman Sdn. Bhd. (KMI Healthcare) itu akan mula dibina pada suku pertengahan tahun hadapan dan dijangka beroperasi awal tahun 2028 dengan kos dianggarkan bernilai RM70 juta.

"Pembinaan hospital swasta ini adalah selaras dengan usaha kerajaan negeri dalam memastikan penyediaan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti tinggi dan mencukupi di negeri ini.

"Apabila siap kelak, KMI Chukai ini akan menempatkan 50 buah katil dengan pelbagai fasiliti moden dan hospital ini mempunyai bilik persendirian untuk memberi keselesaan dan ruang privasi kepada pesakit," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Pecah Tanah KMI Chukai Medical Centre di sini,



**AHMAD Samsuri Mokhtar** (empat, kiri) menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Jual Beli Tanah untuk pembinaan hospital pakar swasta pertama di Kemaman, Terengganu. - UTUSAN/NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN

semalam.

Ahmad Samsuri berkata,

antara bidang perubatan yang ditawarkan adalah termasuk pe-

rubatan am, obstetrik dan ginekologi, ortopedik, pediatrik,

anesthesia, radiologi, perkhidmatan kecemasan 24 jam dan farmasi.

Menurutnya, hospital tersebut juga akan berkonsepkan hospital mesra ibadah dan pegawai agama akan ditempatkan di hospital berkenaan bagi membantu dan memberi panduan kepada pesakit untuk menunaikan solat.

Pada majlis tersebut, KMI Healthcare turut menandatangani Perjanjian Jual Beli tanah seluas 2.2 hektar yang terletak di Kampung Jaya, Mukim Chukai bernilai RM14.1 juta dengan Majlis Perbandaran Kemaman untuk pembangunan hospital pakar tersebut.

Perjanjian tersebut ditandatangani Pengarah Eksekutif TDM Berhad Najman Kamarudin dengan Yang DiPertua Majlis Perbandaran Kemaman (MPK) Ahmad Nazwawi Harun.

Sehingga kini, TDM Berhad memiliki lima hospital pakar iaitu di Kelana Jaya, Selangor; Kuantan, Pahang; Kuala Terengganu; Taman Desa, Kuala Lumpur dan Tawau, Sabah.